

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 6/2001**

=====

**PENETAPAN PREMIUM SEMENTARA BAGI TUJUAN  
PEMBERIMILIKAN TANAH**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai penetapan premium sementara bagi tujuan pemberimilikan tanah sebelum premium sebenar dalam Borang 5A (Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar) dikenakan.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1. Pihak Berkuasa Negeri mendapatkan salah satu sebab berlakunya kekurangan pungutan hasil negeri pada masa kini adalah disebabkan pemilik-pemilik tanah lewat menjelaskan bayaran premium yang dikenakan. Bagi mengatasi masalah tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesyorkan supaya pemilik-pemilik tanah diberi pemberimilikan tanah membayar premium asas (basic premium) terlebih dahulu sebelum premium sebenar dikenakan.

2.2. EXCO Majlis Tindakan Ekonomi Selangor yang bersidang pada 9 Oktober 2001 dan diendos oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 10 Oktober 2001 bersetuju pendekatan ini dilaksanakan secara pentadbiran ke atas pemberimilikan tanah untuk tujuan bangunan kediaman, bangunan perniagaan dan industri kecuali tanah pertanian.

**3. KAEDAH PELAKSANAAN**

3.1. Semasa surat kelulusan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya, satu notis bayaran akan dikepulkan bersama seperti di Lampiran 1 yang menghendaki pemohon menjelaskan segala bayaran yang dinyatakan dalam surat berkenaan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat tersebut diterima.

3.2. Borang 5A bagi mengenakan premium sebenar akan dikeluarkan sebaik sahaja pelan pra hitungan diterima. Pelan pra hitungan hendaklah dikemukakan oleh pemohon ke Pejabat Tanah Daerah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan dimaklumkan.

3.3 Premium sementara yang dikenakan adalah lebih rendah daripada kadar premium sebenar kerana jumlah premium sementara dikira berdasarkan kepada 60% daripada keluasan keseluruhan tanah yang diluluskan setelah mengambilkira tapak-tapak yang perlu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Premium sementara dikira berasaskan formula-formula berikut:-

- a) Jika tanah yang dibangunkan melibatkan bangunan kediaman dan perniagaan atau bangunan kediaman dan industri atau pembangunan yang melibatkan bangunan kediaman, bangunan perniagaan dan industri premium yang dikenakan adalah mengikut formula bangunan kediaman.

$(1/2 \times 1/100 \times \text{tempoh pajakan} \times \text{nilai tanah}) \times 60\% \text{ keluasan tanah}$

- b) Jika tanah yang dibangunkan melibatkan bangunan perniagaan dan industri premium yang dikenakan adalah seperti berikut:-

$(3/4 \times 1/100 \times \text{tempoh pajakan} \times \text{nilai tanah}) \times 60\% \text{ keluasan tanah}$

3.4 Premium sementara yang dikutip akan dimasukkan terus ke dalam akaun hasil Kerajaan Negeri seperti kutipan premium biasa.

3.5 Pentadbir Tanah akan mengutip semua perbezaan premium di antara premium sebenar dengan premium sementara setelah Borang 5A dikeluarkan.

#### 4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini akan berkuatkuasa serta merta.

T.T.  
**(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

27 Oktober 2001

**NOTIS PEMBAYARAN PREMIUM SEMENTARA  
PEJABAT TANAH .....**

Bil. Permohonan Tanah .....

Kepada .....

Yang beralamat di .....

Tuan/Puan adalah dengan ini dikehendaki dalam tempoh .....  
dari tarikh notis ini disampaikan supaya \*membayar/memasukkan dalam tempoh  
deposit di Pejabat Tanah Daerah ini wang-wang berikut :-

Cukai bagi tahun yang pertama	...	...	...	RM
Premium Sementara	...	...	...	**RM
Bayaran Ukur (tidak termasuk tanda sempadan)				RM
Tanda Sempadan	...	....	...	RM
Penyediaan dan pendaftaran suratan hakmilik tetap				RM

Adalah diberi notis bahawa jika jumlah wang tersebut di atas tidak \*dibayar/dimasukkan  
dalam deposit dengan sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan itu tempoh premium  
sementara tuan/puan akan luput.

Sekian, terima kasih.

Bertarikh .....

Pentadbir Tanah .....

Daerah .....

\*Potong mana yang sesuai

\*\*Jumlah premium yang dikenakan di atas adalah jumlah sementara di mana jumlah  
sebenar akan ditentukan selepas pelan pra hitungan diperolehi dan notis 5A akan  
dikeluarkan kemudian.